

Pusat Sosial Perniagaan Yunus latih bakal usahawan

UNIVERSITI Kebangsaan Malaysia (UKM) memeterai memorandum persefahaman (MoU) bersama empat institusi lain bagi menubuhkan Pusat Sosial Perniagaan Yunus untuk membantu golongan kurang berkemampuan menceburi bidang keusahawanan.

Ketua Pusat Perniagaan Sosial Yunus, **Dr. Lokhman Hakim Osman** berkata, inisiatif itu turut melibatkan Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Petronas (UTP), Institut Darul Ridzuan (IDR) dan Yayasan Amanah Belia. Menurut beliau, keutamaan diberikan kepada golongan ibu tunggal dan bekas penagih dadah di kawasan luar bandar.

"Menerusi kerjasama ini, kita akan menjadi orang tengah dalam membantu golongan sasaran

dengan menyediakan latihan supaya mereka boleh terlibat dalam aktiviti perniagaan, sekali gus keluar daripada kemiskinan.

"Pada masa sama, kita akan menyediakan modul asas dan perancangan perniagaan serta membantu memasarkan produk yang mereka hasilkan," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani MoU berkenaan di Menara Kembar KLCC, di sini baru-baru ini.

MoU tersebut ditandatangani Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat UKM, Prof. Datuk Dr. Imran Ho Abdullah; Naib Canselor USM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail; Naib Canselor UTP, Datuk A. Rahim Hashim; Ketua Pegawai Eksekutif IDR, Dr. Mazlan Kamis; serta Dekan



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA



DR. IMRAN HO ABDULLAH (kiri) bersama Dr. Asma Ismail (dua dari kiri) dan A. Rahim Hashim (tengah), Shamila Othman (dua dari kanan) dan Dr. Mazlan Kamis dalam Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman di Menara Berkembar Petronas, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Fakulti Ekonomi dan Pengerusi Yayasan Amanah Belia, Shamila Othman.

Sementata itu, Ketua Pengurusan Perniagaan Sosial

UTP, **Prof. Madya Dr. Shahrina Mohd. Nordin** berkata, sebuah pusat penyelidikan, inovasi dan teknologi telah dibina di kampus UTP bagi memudahkan

kumpulan sasaran mendapat latihan keusahawanan.

"Untuk projek perintis, kami telah mengambil sebuah kampung berhampiran

universiti sebagai kampung angkat dan menyediakan latihan keusahawanan serta memasarkan produk keluaran penduduknya," jelasnya.